

Delegasi asing kagumi ucapan dasar Dr. M

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, para delegasi asing termasuk pemimpin-pemimpin parti dari 21 negara kagum dengan ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 hari ini.

Beliau berkata, rata-rata pemimpin luar berpendapat intipati ucapan itu adalah pesanan penting kepada ahli-ahli UMNO selain boleh dijadikan garis panduan untuk parti mereka.

“Delegasi luar juga menyatakan bahawa ia adalah satu ucapan yang mendalam dan banyak pesa-

nan daripada seorang pemimpin berpengalaman,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan perwakilan daripada parti politik luar negara di sini hari ini.

Perhimpunan itu turut dihadiri oleh 76 pemimpin yang mewakili 26 parti politik negara luar.

Antara negara itu ialah Syria, Pakistan, India, Singapura, Afrika, Indonesia, Korea Selatan, Iran, Sri Langka, China, Oman, Bosnia dan Turki.

Syed Hamid berkata, para pemimpin parti asing tersebut bersetuju bahawa semua pihak perlu menyedari ancaman yang bakal

dihadapi daripada kuasa-kuasa barat termasuk Eropah sekiranya tidak membuat persiapan sewajarnya.

“Pada mereka, ucapan Dr. Mahathir adalah ‘santapan’ minda kerana merupakan sesuatu yang perlu difikirkan ber-

sama disebabkan keadaan dunia unipolar pada waktu ini akan memberi kesan kepada semua negara,” katanya.
